

28/05/2001

PP raih semula sokongan

Anuar Asmadi

KEJAYAAN Pulau Pinang menubuhkan Kelantan kelmarin bukan saja berjaya menapak semula ruang di tempat kedua, malah mampu menawan kembali keyakinan penyokongnya yang rata-rata menderita bila tumpas 0-4 kepada Selangor di medan yang sama tiga minggu lalu.

Kejayaan terdahulu menumpaskan Negeri Sembilan 2-0 dan Selangor 1-0, kedua-dua pertemuan itu di tempat lawan, menjadi suntikan semangat kepada skuad harimau kumbang.

"Bagi saya kejayaan kelmarin cukup simbolik dan penuh bermakna sekali," kata jurulatih Pulau Pinang, Irfan Bakti.

Katanya, sudahlah negeri ini kehilangan lima pemain utama dan terpaksa mengguna pakai khidmat pemain simpanan dan ada yang tidak berpengalaman langsung.

"Tapi mereka hebat. Mereka mampu memenuhi kehendak strategi dan berjaya mengekang serangan lawan," katanya.

Kelmarin Mohd Nor Derus dan Mohd Fareed Shah digantung perlawanan gara-gara menerima kad merah dan kuning manakala Moey Kok Hong pula masih belum sembuh akibat menerima lima jahitan semasa bertemu Selangor Selasa lalu.

Derita Pulau Pinang bertambah lagi bila pemain pertahanan K Karunakaran dan Yong Woon Seang tidak sihat.

"Kita kehilangan lima tonggak utama menjelang pertemuan dengan Kelantan yang memaksa saya melakar strategi baru," kata Irfan.

Mahathir Mohamad dan Samuel Raj umpamanya dijadikan sandaran dan kemunculan mereka tidaklah meragukan dan dengan bantuan beberapa lagi pemain, jentera negeri ini mampu bergerak disetiap sudut.

"Malangnya, penyakit lama, babak-babak penyudah yang diberbisa masih menghantui negeri ini," katanya.

Keseluruhannya, Irfan yakin negeri ini mampu melonjak ke tempat yang lebih atas bila bermulanya pusingan kedua nanti.

Dalam pada itu, Irfan akui Kelantan memang skuad pintar dan penuh semangat juang dengan impian yang sama, menewas lawan untuk mengekal di tempat kedua.

(END)